

Rujukan Kami : Bil.(51)dlm.PERDA:
IKTP 11/3 Jld.8

Tarikh : 23 Oktober 2025
01 Jamadilawal 1447H

**PARA GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-14
PERDA-TECH**

Saudara/Saudari yang dihormati,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN PERDA-TECH KALI KE-14

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Institut ini ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada saudara/saudari kerana telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya.

2. Sebagai tanda kesyukuran dan penghargaan di atas kejayaan saudara/saudari, maka Institut menjemput saudara/saudari dan ibu bapa / waris untuk hadir ke **Majlis Konvokesyen PERDA-TECH Kali Ke-14**.

a. Majlis Raptai Konvokesyen

Tarikh : 28 November 2025 (JUMAAT)

Masa Pendaftaran : 9.00 pagi – 9.30 pagi

**Tempat : Dewan Utama, PERDA-TECH
Bukit Panchor, 14300
Nibong Tebal, Pulau Pinang**

b. Majlis Konvokesyen

Tarikh : 29 November 2025 (SABTU)

Masa Pendaftaran : 8.00 pagi – 8.30 pagi

**Tempat : Dewan Utama, PERDA-TECH
Bukit Panchor, 14300
Nibong Tebal, Pulau Pinang**

2/-

MEREALISASIKAN HARAPAN RAKYAT



PENGAKREDITAN MS ISO 9001 : 2015 NO. SIJIL : QMS 01522

3. Bersama-sama ini disertakan beberapa dokumen yang berkaitan untuk rujukan dan tindakan saudara/saudari. Dokumen yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

3.1 Buku Maklumat Dan Syarat Konvokesyen

4. Sehubungan dengan itu Pengurusan PERDA-TECH ingin mendapatkan pengesahan kehadiran ke majlis tersebut. Pengesahan kehadiran hendaklah dibuat bermula pada **08 OKTOBER** sehingga **16 NOVEMBER 2025** melalui ketetapan berikut:

- i. Telefon di talian: **04-599 1100**
- ii. Cara atas talian: <http://spmp.perda-tech.edu.my/>

Kegagalan saudara/saudari berbuat demikian akan menyulitkan pihak kami dan seterusnya menganggu pelaksanaan majlis konvokesyen ini.

5. Untuk makluman para graduan, pihak urusetia menyediakan perkhidmatan mengambil gambar graduan semasa majlis konvokesyen. Oleh yang demikian, **semasa majlis sedang berlangsung** semua graduan, ibu bapa/penjaga dan para tetamu **tidak dibenarkan mengambil gambar**. Gambar dan sewaan jubah akan dikenakan bayaran berjumlah RM 100.00 bagi program Sijil & Diploma **manakala** Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) dikenakan bayaran berjumlah RM 45.00 sahaja. Pembayaran boleh dibuat melalui "**Online Payment (FPX)**" pada hari raptai diadakan.

6. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar di talian **04-599 1100**.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORHANANI BINTI MOHD RADZI)
Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar (HEP)
Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH)
b.p. Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW)